

Keperluan dan Keberkesanan Kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 41-52

© The Author(s) 2025

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 23 July 2025

Accepted: 24 August 2025

Published: 24 September 2025

[Need for Arabic Language Courses for Hajj and Umrah Purposes]

Mohd Sollah Mohamed¹ & Razimi Zakaria^{1*}

1 Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan Darul Naim, MALAYSIA. E-mail: razimi91@uitm.edu.my

*Corresponding Author: razimi91@uitm.edu.my

Abstrak

Pengajian Bahasa Arab kian mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan tujuan pengajian yang semakin pelbagai, termasuk untuk komunikasi, akademik, perniagaan, dan pengamalan agama. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan kursus Bahasa Arab khusus bagi ibadat Haji dan Umrah. Salah satu isu utama yang dikenal pasti ialah bahawa kebanyakan kursus ibadah Haji dan Umrah yang dianjurkan hanya menumpukan pada aspek pelaksanaan rutin ibadah, hukum-hukum ibadah secara literal, serta pengurusan dan penjagaan kesihatan. Walaupun elemen-elemen ini dapat membantu para jemaah, ia masih belum mencukupi untuk mencapai kesempurnaan dalam beribadah. Menyedari kepentingan bahasa dalam konteks ibadah Haji dan Umrah, satu modul kemahiran bahasa berasaskan ketepatan dan keperluan bahasa Arab sebagai bahasa ibadat telah dibangunkan. Kursus ini bertujuan untuk memudahkan jemaah Haji dan Umrah dalam menyempurnakan kedua-dua ibadat tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pendidikan bahasa merupakan elemen penting yang dapat meningkatkan kesempurnaan umat Islam dalam melaksanakan ibadat ini. Kesimpulannya, penyediaan kursus Bahasa Arab yang komprehensif dan berfokuskan tujuan Haji dan Umrah adalah perlu. Inisiatif untuk menganjurkan kursus sedemikian harus diambil serius oleh agensi-agensi pengurusan yang terlibat dalam industri ini untuk memperkasa kualiti ibadat para jemaah.

Kata kunci: bahasa Arab, Haji, Umrah, kursus, pengurusan

Abstract

Arabic language studies are gaining increasing attention among the Malaysian public, with various learning objectives, including communication, academics, business, and religious practice. This study aims to identify the need for an Arabic language course specifically for the Hajj and Umrah pilgrimages. One of the main issues identified is that most Hajj and Umrah courses currently offered focus only on routine worship practices, religious rulings in a literal sense, and health management. While these elements can assist pilgrims, they are insufficient for achieving perfection in worship. Recognizing the importance of language in the context of Hajj and Umrah, a language skills module based on the accuracy and needs of Arabic as the language of worship has been developed. This course aims to facilitate pilgrims in fulfilling both acts of worship. The study's findings indicate that language education is a crucial element that can enhance the quality of Muslims' performance during these rituals. In conclusion, providing a comprehensive Arabic language course focused on Hajj and Umrah is essential. Initiatives to organize such courses should be taken seriously by management agencies involved in this industry to improve the quality of worship for pilgrims.

Keywords: Arabic language, Hajj, Umrah, course, management



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohd Sollah Mohamed & Razimi Zakaria. (2025). Keperluan dan Keberkesanan Kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah [Need for Arabic Language Courses for Hajj and Umrah Purposes]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 41-52.

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa utama yang dituturkan di semenanjung tanah Arab seperti Saudi Arabia, Jordan, Mesir dan negara-negara Islam lain. Bahasa Arab juga adalah bahasa para ilmuwan yang telah digunakan sejak 1400 tahun dahulu, bermula dari zaman Nabi Muhammad (S.A.W). Bahasa Arab ialah bahasa yang digunakan di dalam al-Quran, hadis Rasulullah S.A.W dan juga merupakan bahasa asal yang digunakan dalam disiplin ilmu-ilmu Islam seperti *Fiqh*, *Ulum al-Hadīth*, dan sebagainya. Bahasa Arab juga digunakan dalam ibadah-ibadah khusus umat Islam seperti solat, zikir, doa, dan menunaikan ibadah Haji. Hal ini telah mengukuhkan kedudukannya sebagai bahasa ibadah umat Islam. Selain dari sebuah bahasa ibadah, bahasa Arab adalah elemen penting dalam penyatuan ummah kerana ianya merupakan satu alat perantaraan linguistik yang sangat dikalangan penuturnya yang beragama Islam dari pelbagai latar belakang dan bangsa. Melalui bahasa Arab, umat Islam dapat membaca al-Qur'an, berdialog di antara pelbagai bangsa yang berbeza serta mengekalkan warisan identiti Islam (Ahmed, 2021).

Menurut Arwani (2022), keutamaan bahasa Arab dalam pengajian Islam tidak hanya kerana ianya bahasa yang digunakan di dalam al-Quran atau bahasa yang digunakan oleh masyarakat di mana Nabi Muhammad (S.A.W) berdakwah. Keutamaan bahasa Arab sebagai bahasa pilihan ialah kerana ianya sebuah bahasa yang paling mampu dan sesuai untuk disampaikan wahu dari Allah S.W.T dan pengucapan Nabi S.A.W justeru ketinggian ciri dan nilai linguistiknya. Jika dinilai kedudukan bahasa Arab dalam Islam, ianya berada di kedudukan yang tinggi yang mana sebuah al-Quran itu mesti ditulis dan dibaca dalam bahasa Arab. Versi Al-Quran yang disertakan tafsir, penjelasan ayat, panduan hukum tajwid, atau pelbagai maklumat lain yang dapat memberi manfaat kepada pembacanya tidak dianggap sebagai sebuah al-Quran asli walaupun ianya merupakan sebuah al-Quran penuh.

Penurunan al-Quran al-Karim dalam bahasa Arab telah menyebabkan bahasa Arab tersebar ke seluruh dunia. Umat Islam yang berbeza bangsa, budaya, bahasa dan sebagainya diwajibkan untuk melafazkan bacaan dalam ibadah sehari-hari termasuk lafaz ibadah Haji dan Umrah mereka dalam bahasa Arab sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. Bahasa Arab merupakan bahasa roh dan bahasa komunikasi dalam perlaksanaan ibadah. Kasran, Mezah, dan Mustapha (2015) mendapati bahawa tujuan utama mempelajari bahasa Arab di kalangan warga tua adalah untuk meningkatkan kefahaman dan mendalami ilmu agama Islam. Dapatan kajian Nasir, Yahaya, dan Sahrir (2013) juga menggambarkan keperluan bahasa Arab di kalangan masyarakat Islam untuk lebih memahami bacaan-bacaan asas dalam ibadah.

Arwani (2022) berpendapat bahawa keutamaan bahasa Arab dalam pengajian Islam tidak hanya kerana ianya bahasa yang digunakan di dalam al-Quran atau bahasa yang digunakan oleh masyarakat di mana Nabi Muhammad (S.A.W) berdakwah. Keutamaan bahasa Arab sebagai bahasa pilihan ialah kerana ianya sebuah bahasa yang paling mampu dan sesuai untuk disampaikan wahyu dari Allah S.W.T dan pengucapan Nabi S.A.W jesteru ketinggian, ketepatan dan kecanggihan elemen linguistiknya. Selain itu, keperluan bahasa Arab dalam mengerjakan ibadah juga melibatkan aspek lokasi ibadah tersebut dikerjakan seperti mengerjakan ibadah haji dan umrah. Keperluan bahasa Arab semasa mengerjakan ibadah haji dan umrah di Mekah dan Madinah tidak hanya dalam berkait dengan lafaz doa, niat dan zikir dalam bahasa Arab yang tepat sebutannya dan kefahaman kepada maknanya, tetapi keperluan kepada sedikit sebanyak komunikasi dengan masyarakat setempat. Industri haji dan umrah merupakan sebuah industri yang besar yang melibatkan jutaan jemaah Islam dari serata pelusuk dunia. Menurut laporan Mappending (2023), dalam lapan bulan pertama bermula tahun 2022 sehingga Mac 2023, seramai lebih dari 300,000 jemaah umrah dari Malaysia sudah direkodkan oleh Arab Saudi. Untuk tahun 2025, sebanyak 31,600 kuota haji untuk jemaah dari Malaysia sudah dipersetujui oleh Arab Saudi (Shahabudin, 2025). Saad, Sohaimi, Ahmat, Maslan @ Baharudin, Sharif, (2024) juga melaporkan jumlah kuota yang sama untuk jemaah haji dari Malaysia yang telah dipersetujui oleh Arab Saudi. Kuota haji yang diberikan oleh Arab Saudi kepada setiap negara adalah berjumlah 0.1% kepada jumlah populasi penduduk negara itu. Menurut mereka, peratusan itu adalah berdasarkan kepada sistem yang telah dipersetujui semasa Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) 1998.

Melaksanakan ibadah haji dan umrah memerlukan pengorbanan besar dari setiap yang menunaikannya dari aspek spiritual dan fizikal. Ardiana et al. (2023) menegaskan bahawa jemaah haji terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan apabila ramai manusia berkumpul untuk menunaikan ibadah tersebut. Selain itu, faktor cuaca yang lebih panas dan keperluan untuk bergerak pada jarak yang jauh juga boleh satu cabaran kepada jemaah yang berumur (Ahmad, 2024; Noh, 2024). Yezli (2024) juga melaporkan hal yang sama dan menegaskan keperluan untuk mengambilkira faktor penjagaan kesihatan oleh pihak berwajib yang menguruskan jemaah haji semasa mengerjakan ibadah tersebut.

Dalam merumuskan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh jemaah semasa menunaikan haji, kajian oleh Saad, Sohaimi, Ahmat, Maslan @ Baharudin, Sharif (2024) telah menyenaraikan beberapa cabaran utama iaitu perkhidmatan makanan yang kurang memuaskan, pengetahuan penggunaan teknologi digital yang terhad terutama di kalangan jemaah yang lebih berumur, isu pengurusan dan logistik, kesan cuaca panas dan perubahan suhu yang ekstrem, cabaran fizikal dan pegerakkan jemaah dan kesesakan manusia dalam jumlah yang terlalu ramai. Jika diperhatikan, senarai tersebut lebih cenderung ke arah cabaran fizikal di kalangan jemaah yang menunaikan haji. Namun begitu, Saad, Sohaimi, Ahmat, Maslan @ Baharudin, Sharif (2024) turut menyenaraikan cabaran komunikasi yang dihadapi oleh jemaah haji. Dalam kajian mereka, jemaah telah melaporkan dimarahi semasa di sana dan tidak memahami kenapa mereka telah dimarahi. Senada itu, Alkarani (2021) turut menegaskan bahawa bahasa merupakan satu cabaran di sana terutama di kalangan jemaah yang tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab. Bahasa Arab diperlukan untuk berkomunikasi dengan pelbagai pihak seperti pemandu bas, polis, pegawai imigresen, pegawai perubatan dan peniaga-peniaga tempatan. Jesteru itu, pengetahuan bahasa Arab diperlukan untuk memastikan pengalaman

menunaikan ibadah haji dan umrah yang lebih lancar serta mengelakkan salah faham semasa di sana.

Latarbelakang Pelaksanaan Kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah

Akademi Pengajian Bahasa berusaha untuk memberi khidmat bahasa kepada pelajar dan masyarakat. Khidmat kemahiran bahasa yang disampaikan kepada masyarakat ditawarkan di bawah program-program bahasa anjuran Kursus Kemahiran Bahasa (KKB) Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Kelantan dan seluruh sistem APB UiTM. Penawaran kursus-kursus dan bengkel-bengkel kemahiran bahasa kepada masyarakat memberi hasil penjanaan pendapatan atau menyempurnakan keperluan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Dengan masa, Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Kelantan telah mengutip pelbagai pengalaman dalam penganjuran kursus kemahiran bahasa kepada masyarakat awam seperti program *English @ Mosque* (anjuran Majlis Agama Islam Kelantan – MAIK) serta melalui jemputan institusi pendidikan seperti sekolah rendah, menengah, pra-universiti (Pre-University English Language Program, Preparation for MUET) dan universiti-universiti lain. Melalui kursus kemahiran bahasa, Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Kelantan secara tidak langsung juga dapat menyumbang kepada pengiklanan UiTM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang cakna kepada keperluan kemahiran bahasa masyarakat awam.

Menyedari kepelbagaiannya keperluan bahasa dalam masyarakat, Akademi Pengajian Bahasa UiTM Kelantan sentiasa menambahbaik produk-produk kemahiran bahasa serta berinovatif untuk memperkenalkan produk kemahiran bahasa yang baru berpaksikan keperluan semasa dan sumbangannya produk kemahiran bahasa kepada pembangunan sosial ekonomi masyarakat. Berasaskan kesedaran ini, Akademi Pengajian Bahasa berinovatif lagi untuk memperkenalkan kursus kemahiran bahasa untuk kesempurnaan ibadah umat Islam.

Atas dasar tanggungjawab ini, terzahirlah satu cadangan ‘Kursus Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah’ anjuran Akademi Pengajian Bahasa UiTM Kelantan. Kedua-dua ibadah ini mempunyai banyak fadilatnya dan ini menjadi harapan kepada seluruh umat Islam untuk mengerjakannya. Hal ini memberi peluang kepada institusi pendidikan bahasa untuk memberi khidmat tambah nilai dalam membantu umat Islam menyempurnakan mengerjakan kedua-dua ibadat ini. Produk ini adalah tawaran khidmat kemahiran bahasa Arab khusus untuk ibadah Haji dan Umrah.

Objektif Pelaksanaan Kursus

Secara amnya, tujuan utama ‘Kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah’ adalah untuk membantu jemaah Haji dan Umrah menyempurnakan kedua-dua ibadah ini bertunjangkan ketepatan dan keperluan bahasa Arab sebagai bahasa ibadah. Secara spesifiknya, kursus ini adalah bertujuan untuk membantu para jemaah supaya mampu:

- i. memahami lafaz niat, doa dan zikir semasa menunaikan Haji dan Umrah
- ii. berinteraksi dalam bahasa Arab di lokasi-lokasi yang kemungkinan dikunjungi semasa menunaikan Haji dan Umrah
- iii. berurusan dengan bangsa Arab semasa menunaikan Haji dan Umrah
- iv. mengurangkan kebergantungan kepada seseorang semasa menunaikan Haji dan Umrah
- v. meningkatkan tahap kesempurnaan ibadah Haji dan Umrah
- vi. mempelbagaikan produk kemahiran bahasa Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kelantan kepada masyarakat awam
- vii. melaksanakan pendidikan bahasa untuk tujuan ibadah secara tersusun dan berteraskan pendekatan akademik

Kaitan Bahasa dengan Masalah semasa Menunaikan Haji dan Umrah

Bagi orang Islam di Malaysia Bahasa Arab bukanlah sesuatu yang asing. Semenjak lahir lagi mereka telah mendengar lafaz azan dan iqamat yang sememangnya dalam Bahasa Arab. Dalam kehidupan seharian, mereka sebenarnya secara tidak langsung telah menggunakan Bahasa Arab iaitu Ketika membaca doa dan berwuduk, azan, iqamat, solat dan membaca doa. Malah tiga daripada rukun Islam adalah dilakukan dengan menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya iaitu umat Islam mengucap dua kalimah syahadah, bersolat dan menunaikan Haji dan Umrah.

Masalah ini amat ketara dapat dilihat apabila jemaah Malaysia khususnya ketika mengerjakan Haji dan Umrah. Meskipun ibadah Haji dan Umrah secara umumnya ibadah *fi 'liy* atau ibadah perlakuan, namun bacaan niat, doa dan zikirnya perlu dilafazkan dengan lisan dengan menggunakan bahasa Arab. Pemahaman lafaz dan bacaan ini adalah satu keperluan untuk ke arah menyempurnakan ibadah dalam kalangan para jemaah Haji dan Umrah.

Adalah satu kepincangan dan kejanggalan jika mereka beribadah dan melafazkan serta memohon sesuatu yang mereka sendiri tidak fahami. Selain itu, Ketika solat juga kita diharuskan memahami apa yang dilafazkan walaupun memahami bacaan bukan rukun dan syarat sah solat.

Jika diteliti, kebanyakan kursus-kursus persediaan Haji dan Umrah hanya menekankan kepada pelaksanaan rutin ibadah tersebut, hukum ibadah secara literal di samping pengurusan dan penjagaan Kesihatan. Sungguhpun ia dapat membantu para jemaah namun ianya masih tidak mencukupi untuk mencapai kesempurnaan dalam beribadah. Oleh itu, kursus ini perlu dijalankan untuk membantu jemaah Haji dan Umrah meningkatkan kualiti ibadah mereka, khususnya semasa mengerjakan Haji dan Umrah.

Penggunaan Modul Kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah

Bagi mencapai objektif kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah, sebuah modul telah dihasilkan dan digunakan sebagai bahan rujukan jemaah. Keberkesanan modul yang dihasilkan secara langsung memberi gambaran keberkesanan kursus yang dijalankan. Modul Kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah terbahagi kepada tiga komponen iaitu, Nahu Arab ringkas, Lafaz bacaan terpilih dan Komunikasi.

Penilaian Keseluruhan Modul

Berdasarkan penilaian keseluruhan modul, responden telah memberikan maklum balas yang amat positif (100%) tentang modul yang disediakan. Maklum balas adalah seperti berikut:

1. Pengetahuan atau kemahiran yang diperoleh dapat melancarkan urusan dan penghayatan ibadah Haji dan Umrah.
2. Secara keseluruhannya modul ini amat membantu dan berkesan
3. Latihan amali yang disertakan dengan modul dapat membantu untuk mempelajari isi kandungan modul.
4. Modul ini mudah untuk dibawa dan digunakan.
5. Reka bentuk dan susunan isi kandungan modul ini menepati keperluan ibadah Haji dan Umrah.

Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa responden yakin dengan adanya modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dapat melancarkan dan membantu perjalanan ibadah Haji dan Umrah mereka. Tambahan pula modul yang dibina, mengandungi latihan amali untuk membantu mempermudah dalam mempelajari isi kandungan modul. Malahan pula modul yang dibina mudah untuk dibawa dan digunakan. Selain itu juga, responden berpendapat bahawa reka bentuk dan susunan isi kandungan modul yang disediakan menepati keperluan ibadah Haji dan Umrah. Responden juga menyatakan bahawa mereka berminat jika modul ini dihasilkan dalam bentuk perisian atau digital.

Penilaian Keberkesanan Kursus

Peserta kursus Bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah – Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kelantan diberikan ruang untuk membuat penilaian keberkesanan kursus secara keseluruhan. Daripada 50 peserta yang hadir, seramai 40 peserta mengambil bahagian untuk menjawab soal selidik. Hal ini dilakukan untuk mendapatkan maklum balas dan memastikan objektif kursus tercapai. Selain itu, penilaian juga dijalankan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus pada masa hadapan. Terdapat enam soalan diutarakan dalam borang soal selidik berkisar kepada nilaiann tahap pemahaman dan keyakinan para peserta dalam konteks menunaikan Haji dan Umrah.

Borang Soal Selidik

Sila nyatakan respons anda untuk soalan berikut dengan memilih salah satu daripada lima skala di bawah (Sumber: Fitzgerald, 1998 & Watkins, 2003).

Kata kunci:

1 = Sangat Tidak Setuju

2 = Tidak Setuju




3 = Neutral


4 = Setuju

5 = Sangat Setuju

Tahap Pemahaman dan Keyakinan Peserta sebelum Pelaksanaan Kursus

Graf di bawah memaparkan analisis keberkesanan program sebelum pelaksanaan kursus Bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.






Graf di atas memperlihatkan skor pemahaman dan keyakinan peserta sebelum pelaksanaan kursus bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Berdasarkan analisis, majoriti peserta memilih skala ‘Sangat Tidak Setuju’ dan ‘Tidak Setuju’ untuk pernyataan berkaitan pemahaman peserta kursus mengenai lafaz niat, lafaz zikir dan lafaz doa. Begitu juga pernyataan melibatkan keyakinan peserta kursus, iaitu 1) keyakinan berinteraksi dalam bahasa Arab, 2) keyakinan untuk tidak mengharapkan bantuan orang lain dan 3) keyakinan untuk berurusan dengan bangsa Arab semasa menunaikan Ibadah Haji dan Umrah. Dimensi ini menunjukkan terdapat keperluan untuk meningkatkan dan memperbaiki tahap pemahaman serta keyakinan para peserta kursus Haji dan Umrah.

Dalam segmen kefahaman melibatkan lafaz niat, 60% peserta tidak memahami maksud sebenar lafaz niat ibadah haji dan umrah. Peratus peserta yang tidak memahami maksud lafaz doa dalam ibadah haji dan umrah adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 65%. Manakala bagi makna lafaz zikir dalam ibadah haji dan umrah, sebanyak 60% peserta tidak memahami makna, peratus yang sama dengan kefahaman lafaz niat. Kebanyakan peserta menunjukkan keyakinan yang rendah untuk berinteraksi dalam bahasa Arab di lokasi-lokasi yang akan diziarahi iaitu sebanyak 75%, untuk berurusan dengan bangsa Arab semasa menunaikan Haji dan Umrah sebanyak 67.5% dan 75% untuk ketidakkeyakinan untuk tidak mengharapkan bantuan orang lain sepenuhnya Ketika menunaikan Haji dan Umrah. Peratus daripada ujian pre-test menunjukkan sebilangan besar peserta wajar mengikuti kursus untuk meningkatkan tahap pemahaman dan penghayatan supaya Ibadah Haji dan Umrah dilakukan lebih sempurna.

Tahap Pemahaman dan Keyakinan Peserta Selepas Pelaksanaan Kursus

Graf di bawah memaparkan analisis keberkesanannya selepas pelaksanaan kursus Bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.



Berdasarkan graf di atas, secara keseluruhan bacaan plot menunjukkan peningkatan ketara bagi segmen kefahaman dan keyakinan peserta kursus bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Hal ini dapat diperhatikan apabila terdapat peralihan pilihan jawapan untuk setiap soalan daripada ‘Sangat Tidak Setuju’ kepada ‘Sangat Setuju’. Peningkatan ini jelas menunjukkan keberhasilan kursus yang dijalankan walaupun masih terdapat peserta yang masih kurang yakin untuk berinteraksi dalam bahasa Arab dan mengharapkan pertolongan orang lain semasa menunaikan ibadah.

Analisis Keseluruhan Sebelum dan Selepas Kursus

Sebagai kesimpulan, hasil dapatan analisis daripada agihan borang soal selidik menunjukkan hampir keseluruhan peserta kursus dapat meningkatkan tahap kefahaman bacaan doa, niat dan

zikir mereka. Begitu juga tahap keyakinan untuk berinteraksi dalam bahasa Arab dan keyakinan menunaikan ibadah Haji dan Umrah tanpa mengharapkan bantuan orang lain.

Adalah didapati bahawa Kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah berkesan dalam meningkatkan kemahiran bahasa peserta kursus bagi tujuan ibadah ini. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, menunjukkan bahawa tahap kemahiran dan pengetahuan responden sebelum dan selepas telah berlaku perubahan yang amat ketara. Hal ini perlu dinilai untuk memastikan objektif kursus tercapai dan menepati kehendak pelaksanaan kursus. Tuntasnya, usaha pelaksanaan kursus ini diharap membantu para Jemaah membuat persediaan bagi memastikan kelangsungan ibadah Haji dan Umrah dapat ditunaikan dengan sempurna.

Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa kesemua responden yang dipilih telah mendapat pendedahan yang sama terhadap modul yang digunakan semasa kursus. Secara keseluruhannya, responden telah memberikan penilaian positif terhadap kursus dan isi kandungan modul samada dari segi kandungan nahu, lafaz berkaitan ibadah dan komunikasi. Kursus Bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah ini diketengahkan oleh Akademi Pengajian Bahasa untuk kesempurnaan ibadah umat Islam dan juga menambah kepelbagaiannya aktiviti universiti dalam menyantuni masyarakat dengan memberi khidmat kemahiran bahasa berdasarkan kepakaran dalaman di institusi ini. Program seperti ini juga dapat meningkatkan hubungan universiti dengan industri serta pihak yang berkepentingan.

Berdasarkan penilaian keseluruhan modul, pengkaji mendapati bahawa kursus yang dijalankan dan modul yang dibina telah memberi kesan yang positif kepada responden dalam usaha untuk melancarkan dan membantu perjalanan ibadah Haji dan Umrah mereka. Hal ini dibuktikan lagi apabila penilaian tahap kemahiran dan pengetahuan sebelum dan selepas menggunakan modul telah dibuat.

Rujukan

- Ahmad, M. R. (2024, March 19). Tempoh menunggu haji dijangka lebih pendek menjelang 2030. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2024/03/19/tempoh-menunggu-haji-dijangka-lebih-pendek-menjelang-2030/>
- Ahmed, M. M. E. D. (2021, April 22). *The importance of the Arabic language for Muslims in Australia* [Presentation]. Al-Resalah Education Centre, Australia. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.22771.44324/2>
- AlKarani, A. S. (2021). Factors motivating nurses to work during Hajj pilgrimage in Saudi Arabia. *Saudi Journal for Health Sciences*, 10(3), 204–208.
- Ardiana, M., Paramitha, A. D., Shabrina, F. A., & Harsoyo, P. M. (2023). Risk factors of hospitalization and mortality among Hajj pilgrims in Indonesia. *International Journal of Hypertension*, 2023, Article 9037159. <https://doi.org/10.1155/2023/9037159>
- Arwani, A. (2022, Ogos). The role of the Arabic language in Islamic economy. *ALSINATUNA*, 3(1). <https://doi.org/10.28918/alsinatuna.v3i1.1147>

- Kasran, H., Mezah, C. R. B., & Mustapha, N. F. B. (2015). Analisis keperluan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*.
- Mappeneding, S. H. (2023, March 2). Saudi Arabia records arrival of over 300,000 Malaysian Umrah pilgrims in 8 months. Bernama. <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2169372>
- Saad, M., Sohaimi, N. S., Ahmat, N. N., Maslan @ Baharudin, A., & Sharif, M. S. M. (2024). Problems and challenges in Islamic religious tourism: Perspectives of Malaysian Hajj and Umrah travelers' and travel agencies. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*. <https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2024.8110096>
- Mohammad Najib Jaffar. (2007). Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama. *Seminar Serantau Islam Hadhari*. Kuala Lumpur:
- Mohammad Seman & Mohd Zuhir Abd Rahman. (2006). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Puzhi Usop, Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohd Rosdi Ismail, M. T. (2013 TAHUN). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Sukki Othman, Muhd Zulkifli Ismail & Wan Nordin Wan Abdullah. (2016 TAHUN). Penggunaan ICT dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*, 17(2), 120-127.
- Mok soon Sang. (2001). *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester1*: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Mokhtar, Ma'sūm. (2004). *Pendekatan Baru Memahami Bahasa Arab*. Jakarta: Markaz Humairā'.
- Muhammad al-Tantawiy. (1995). *Nasy'att al-Nahwi: Wa Tarikh Asyhari al-Nuhat*, Kaherah: Dār al-Ma'rif.
- Muhammad Sabri Sahrir. (2009). *Panduan Belajar Bahasa Arab Untuk Jemaah Haji Dan Umrah*. Vivar Printing Sdn. Bhd.: Selangor, Malaysia.
- Nasir, M. S., Yahaya, M. F., & Sahrir, M. S. (2013). Pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah sebagai satu keperluan bagi masyarakat awam. In *Proceedings of the Malaysia International Conference on Foreign Languages (MICFL 2013)* (Vol. 1).
- Noh, M. F. (2024, January 8). Mangsa visa haji Furada palsu kecewa, kes empat tahun masih tidak selesai. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197593/mangsa-visa-haji-furada-palsu-kecewa-kes-empat-tahun-masih-tidak-selesai>
- Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Che Radiah Mezah. Penggunaan Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Dan Implikasinya Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*, (13), 1-16.
- Pribadi, B.A. (2009). *Model Desain Sistem Pembelajaran*. Jakarta: PT. Dian Rakyat.
- Shahabudin, S. (2025, January 15). Malaysia-Saudi MoU secures 31,600 Haj quota for 2025. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1161247/malaysia-saudi-mou-secures-31600-haj-quota-2025>

Yezli, S., Ehaideb, S., Yassin, Y., Alotaibi, B., & Bouchama, A. (2024). Escalating climate-related health risks for Hajj pilgrims to Mecca. *Journal of Travel Medicine*, 31(4). <https://doi.org/10.1093/jtm/taae042>